



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

PROJEK ECRL BERSANDARKAN KEPADA KEPENTINGAN EKONOMI DAN TEKNIKAL, BUKANNYA PERTIMBANGAN POLITIK

Bagi memberi maklumbalas terhadap sebuah penulisan bertajuk “*Using ECRL to swing voter support for MCA, MIC?*” yang diterbitkan dalam FMT pada 29 Mac 2021, kami ingin membuat beberapa pembetulan kepada andaian penulis.

Penting untuk dinyatakan disini bahawa andaian penulis adalah berdasarkan petikan anekdot oleh penganalisa politik yang tidak dinamakan disepanjang penulisan tersebut.

Penulisan tersebut sebahagian besarnya menyatakan bahawa jajaran utara yang merupakan cadangan jajaran asal, adalah satu pilihan yang tidak tepat dan bermotifkan politik.

Kementerian Pengangkutan telah menyatakan bahawa keputusan untuk kembali ke jajaran asal (yang dinamakan jajaran ECRL 3.0) adalah dibuat untuk memaksimumkan kelebihan dari segi ekonomi dan teknikal bagi keseluruhan projek dan kesan limpahannya (*spillover effects*)

Berdasarkan jajaran asal projek ECRL pada tahun 2017, jajaran baharu ECRL 3.0 membolehkan laluan pintasan dari Serendah ke Pelabuhan Klang untuk servis KTMB diintegrasikan kedalam keseluruhan projek.

Keputusan tersebut menjadikan servis kereta api KTMB lebih cekap kerana ia dapat menyelesaikan masalah laluan kargo ke KTMB yang ketika ini mempunyai isu kesesakan apabila melalui daerah pusat perniagaan Kuala Lumpur. Keputusan ini juga meningkatkan taraf keselamatan orang awam kerana kereta api kargo KTMB yang sekarang ini melalui stesen KL Sentral dan Bank Negera sering membawa bahan-bahan berbahaya.

Jajaran baharu ECRL 3.0 bertujuan untuk melengkapkan penubuhan hub kargo nasional di Serendah dan meningkatkan kecekapan perjalanan kargo bagi KTMB dan ECRL. Ini adalah penting kerana 70% hasil ECRL adalah dari pengangkutan kargo.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Hub kargo nasional ini adalah untuk membentuk sebuah ketersambungan rel dari Serendah ke koridor ekonomi dan pelabuhan di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Pelabuhan Penang, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Pelabuhan Kuantan serta Iskandar Malaysia dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di selatan.

Penyambungan melalui jajaran asal ke Pelabuhan Klang dengan West Port dan North Ports menawarkan laluan yang lebih baik untuk perdagangan antarabangsa dan menjadikan laluan yang lebih menarik untuk industri perniagaan berorientasikan eksport. Sambungan hingga ke laluan terakhir atau "last-mile" Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Klang Dibawah ECRL 3.0 ini menjadikan kedua-dua lembah pantai lebih dekat dengan adanya "landbridge" yang memudahkan pemindahan barang.

Malah, jajaran ECRL 3.0 juga dijangka akan meningkatkan pembangunan dan perbandaran baru serta memacu aktiviti komersial di sekitar kawasan baru seperti Puncak Alam dan Kapar di mana kedua-kedua kawasan tersebut telah direka sebagai stesen masa hadapan ECRL. Stesen ECRL di ITT Gombak sememangnya memudahkan pengguna di Lembah Klang menuju ke negeri-negeri di Pantai Timur. Gombak juga dikenali sebagai jalan masuk ke atau dari Kuala Lumpur. ITT Gombak juga memberi laluan sambungan ke Laluan Kelana Jaya bagi LRT serta stesen KTMB Temerloh, Serendah dan Jalan Kastam.

Jajaran Utara dijangka menarik sebanyak 26 juta tan kargo dan seramai 5 juta penumpang pada tahun pertama beroperasi. Jajaran Selatan pula diramal menarik sejumlah 9 juta tan kargo dan seramai 4 juta penumpang pada tahun pertama beroperasi. Oleh itu, Jajaran Utara diunjurkan memberi lebih ramai penumpang dan muatan kargo untuk ECRL apabila beroperasi semasa tahun pertama.

Sesetengah orang mungkin berpendapat bahawa Jajaran Selatan mungkin lebih murah sekiranya diteruskan. Namun, jajaran tersebut hanya akan menghalang keseluruhan projek menghasilkan integrasi dan hab sebenar bagi wilayah-wilayah ekonomi di Semenanjung Malaysia dan menjadi pemangkin pertumbuhan yang kukuh dan pelaburan baharu dalam sektor pembuatan, pembinaan, serta pembangunan harta tanah dan sebagainya.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Kerajaan tetap akan perlu meneruskan pembinaan 'Pintasan Serendah' walaupun Jajaran Selatan dibina, oleh kerana laluan pintas tersebut dapat menyelesaikan dengan segera isu *bottleneck* dan kesesakan perkhidmatan rel KTMB di sekitar Kuala Lumpur. Analisa terkumpul mengenai pembinaan Jajaran Selatan ECRL dan Pintasan Serendah secara berasingan menunjukkan kesan pencemaran terhadap alam sekitar dan sosial yang lebih mendalam. Ini disebabkan oleh pembinaan trek keretapi yang lebih panjang yang melibatkan dua kawasan yang berasingan.

Sebanyak 95% kawasan tadahan air di Selangor akan terjejas sekiranya Jajaran Selatan dan Lintasan Serendah dibina secara berasingan, berbanding dengan 65 peratus dibawah Jajaran Utara. Pembinaan Jajaran Utara juga akan menyelesaikan keperluan untuk laluan pintas di Serendah untuk KTMB.

Seperti yang dilaporkan sebelum ini, Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Rail Link telah banyak kali mengadakan sesi pertemuan dengan kerajaan negeri Selangor. Dalam pertemuan-pertemuan tersebut, MRL telah berjaya menangani kesemua isu yang dibangkitkan oleh pelbagai agensi negeri mengenai kewajaran untuk kembali ke Jajaran Asal ECRL dengan mengemukakan penyelesaian dan pelan mitigasi yang antaranya melibatkan perlindungan alam sekitar, pengurangan impak sosial, dan penambahbaikan sistem perhubungan rel. MRL juga telah membentangkan jalan penyelesaian mengenai jajaran ECRL yang merentasi Permatang Kuarza Gombak.

Perlu ditegaskan bahawa pelaksanaan projek ECRL adalah bersandarkan kepada kepentingan ekonomi dan isu teknikal, bukannya bersandarkan kepada kepentingan politik. Sedia maklum, idea Jajaran Selatan ECRL melalui Negeri Sembilan sebelum ini telah diumumkan oleh Menteri Kewangan pada ketika itu, YB Lim Guan Eng ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau pada April 2019.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
30 MAC 2021

-TAMAT-





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

